



LAMPIRAN PEMBERITAHUAN PRODUK untuk Barangan Ketika Dalam Transit

NOTA PENTING: Sila baca Lampiran Pemberitahuan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk mengambil Polisi Insurans Barangan Ketika Dalam Transit. Pastikan anda juga membaca dengan terperinci terma-terma and syarat-syarat amnya.

1. Apakah produk ini?

Produk ini akan memberikan perlindungan kepada barangan anda terhadap kehilangan atau kerosakan akibat daripada Kebakaran, Kecurian atau Kemalangan Yang Tidak Disengajakan dari masa meninggalkan gudang atau tempat simpanan belanjutan sehingga tiba ke destinasi muktamat.

2. Apakah perlindungan / faedah yang diberikan?

Terdapat 2 jenis perlindungan berbeza:

Kebakaran, Kecurian atau Kemalangan Tidak Disengajakan

- Melindungi terhadap kehilangan atau kerosakan barangan tersebut akibat daripada Kebakaran, Kecurian atau Kemalangan Tidak Disengajakan (kecuali seperti yang dinyatakan dalam pengecualian polisi)

Klausa Lori

- lanya lebih terhad, melindungi kehilangan atau kerosakan kepada barangan disebabkan oleh kebakaran, perlanggaran dan kenderaan yang terbabas

Anda juga boleh meluaskan perlindungan terhadap

- Tunjuk Perasaan, Rusuhan dan Keganasan Awam
- Rampasan kenderaan

Tempoh perlindungan selalunya adalah untuk 1 tahun. Anda perlu memperbaharui polisi secara tahunan.

3. Berapakah premium yang perlu saya bayar?

Jumlah premium adalah berbeza-beza bergantung kepada pelbagai faktor. Berikut adalah ciri-ciri utama dalam menentukan jumlah premium

- Jenis-jenis barangan yang diinsuranskan
- Perjalanan tersebut iaitu dari mana ke mana
- Bagaimana barangan tersebut dibungkus, iaitu tidak tertutup, di dalam bekas
- Keperluan perlindungan – lebih luas perlindungan, lebih tinggi premium
- Nilai diinsuranskan maksimum yang diizinkan setiap pengangkutan
- Anggaran perolehan/angkutan tahunan

Jumlah Premium = Anggaran Perolehan/Angkutan Tahunan x Kadar Digunapakai..

4. Berapakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

Yuran dan bayaran yang anda perlu bayar adalah:

Jenis	Amaun
Cukai Perkhidmatan	6% daripada premium
Duti Setem	RM10.00
Komisen ejen apabila melibatkan seorang pengantara	15% of the premium

5. Apakah terma dan syarat utama yang perlu saya tahu?

Kepentingan membuat Pendedahan

- MENURUT AKTA PERKHIDMATAN KEWANGAN 2013, Seksyen 129, Jadual 9, Perenggan 5: Adalah menjadi kewajipan pengguna untuk mengambil penajagaan munasabah untuk tidak membuat salah nyataan kepada penanggung insurans berlesen semasa menjawab apa-apa soalan yang diperlukan yang berkaitan dengan keputusan penanggung insurans samada untuk menerima atau tidak risiko dan kadar dan terma yang hendak dipakai.
- Anda harus memastikan yang borang cadangan dilengkapkan dengan tepat kerana ianya merupakan asas kepada kontrak insurans.

Perubahan dalam Risiko

- Anda harus memaklumkan pihak kami atau penantara insurans anda dengan memberi notis bertulis tentang sebarang perubahan material sepanjang tempoh perlindungan polisi untuk memastikan pindaan-pindaan yang wajar diendorskan pada polisi anda.

Kewajipan Pihak Yang Diinsuranskan

- Anda dikehendaki mengambil langkah yang munasabah dalam pengambilan perkerja yang mahir, mengambil kesemua tindakan yang munasabah untuk mencegah sesuatu kemalangan dan mematuhi kepada semua peraturan undang-undang dan memastikan semua premis-premis, perabot, aksesori dan kelengkapan, perkakas dan peralatan dalam keadaan yang sempurna.
- Anda tidak harus mengaku liabiliti, menawarkan janji atau bayaran kepada yang menuntut tanpa kebenaran bertulis dari kami. Jika berlaku sebuah tuntutan atau kejadian yang berpotensi mencetuskan sebuah tuntutan, anda harus memaklumkan kami secara bertulis dengan serta-merta.

Jaminan Premium

- Jumlah premium perlu dibayar dan diterima oleh penginsurans dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh bermulanya polisi ini/pengelesen/sijil pembaharuan.
- Kegagalan membayar premium tersebut pada tempoh masa yang ditetapkan akan menyebabkan pembatalan kontrak serta-merta dan AmGeneral berhak ke atas jumlah pro-rata premium sepanjang tempoh anda di dalam risiko.

Pelaras Premium

- Yang Diinsurans perlu membekalkan dalam tempoh sebulan dari tarikh luput setiap Tempoh Diinsuranskan, laporan kepada Syarikat angka sebenar perolehan tahunan bagi tempoh insurans. Yang Diinsuranskan diminta untuk menyimpan rekod yang tepat untuk angka-angka itu dan membekalkan kepada Syarikat apabila diminta bersama salinan teraudit untuk rekod-rekod ini.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila merujuk kepada kontrak polisi bagi terma dan syarat-syarat yang terkandung di bawah polisi ini.

6. Apakah pengecualian utama di dalam polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi:

- Salah laku yang disengajakan oleh diinsuranskan
- Kehilangan atau kerosakan disebabkan oleh sifat semulajadi barangan
- Kerugian/kerosakan yang dijangka berlaku seperti kerosakan akibat penggunaan biasa, berat yang berkurangan
- Ketidakhajiran pekerja atau pembantu Yang Diinsuranskan

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk contoh kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian di bawah polisi ini.

7. Bolehkah saya batalkan polisi ini dan apakah caranya untuk membatalkan?

Anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberikan notis bertulis kepada kami. Setelah pembatalan, anda berhak ke atas bayaran balik premium berdasarkan pro-rata untuk tempoh ganti rugi belum tamat, tertakluk kepada premium minimum yang akan kami simpan.

8. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan di dalam butiran perhubungan saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami sebarang perubahan kepada maklumat terperinci anda bagi memastikan yang kesemua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada waktunya.

9. Dimanakah boleh saya mendapatkan maklumat yang lebih lanjut?

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

AmGeneral Insurance Berhad

Menara Shell,

No. 211, Jalan Tun Sambanthan,

50470 Kuala Lumpur, Malaysia.

Talian Bebas : 1-300-80-3030

Emel : customer@amassurance.com.my

Laman Web : www.amassurance.com.my

10. Lain-lain jenis perlindungan insurans serupa yang disediakan?

Polisi Kargo Marin

NOTA PENTING:

ANDA HARUS BERPUAS HATI YANG POLISI INI AKAN MEMENUHI KEPERLUAN ANDA SEBAIK MUNGKIN. ANDA SEPATUTNYA MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS INI DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ANDA ATAU MENGHUBUNGI TERUS SYARIKAT INSURANS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

AmGeneral Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia untuk mengendalikan semua kelas perniagaan insurans am.

Informasi yang dibekalkan dalam lampiran pemberitahuan ini adalah sah pada 18 Disember 2019.